

**MAHKAMAH DAERAH AMERIKA SYARIKAT
DAERAH SELATAN NEW YORK**

DANA PENCEN ELEKTRIK ALASKA,
dll.,

Plaintif,

lwn.

BANK OF AMERICA, N.A., dll.,

Defendan.

No. Kes Utama: 14-cv-7126 (JMF)

**NOTIS CADANGAN PENYELESAIAN
TINDAKAN KELAS**

**Jika Anda berurus niaga dengan Instrumen ISDAfix di antara 1 Januari 2006 dan 31 Januari 2014,
Anda Mungkin Terlibat dengan Penyelesaian Tindakan Kelas.**

Untuk tujuan penyelesaian ini, “Instrumen ISDAfix” bermaksud (i) sebarang dan semua derivatif kadar faedah, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang swap, spread swap, niaga hadapan swap, swap varians, swap turun naik, pelbagai swap akruan, swap kematangan malar, opsyen swap kematangan malar, opsyen digital, opsyen swap peruntukan tunai, opsyen swap peruntukan secara fizikal, niaga hadapan swapnote, niaga hadapan swap peruntukan tunai, pencuram, perata, pengapung songsang, bola salji, nota berstruktur kadar faedah terangkai, dan nota pelbagai akruan digital dan boleh panggil di mana disebut dalam USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD, dan (ii) sebarang instrumen, produk, atau transaksi kewangan yang berkaitan dengan sebarang Kadar Tanda Aras USD ISDAfix dan sebarang instrumen, produk, atau transaksi yang berkaitan dengan penentuan atau pengiraan Kadar Tanda Aras USD ISDAfix.

Mahkamah persekutuan telah membenarkan Notis ini. Ini bukan usaha dari seorang peguam.

- Notis ini adalah untuk memaklumkan kepada anda tentang cadangan penyelesaian yang dicapai dengan Defendan Bank of America, N.A.; Barclays Bank PLC dan Barclays Capital Inc.; Citigroup Inc.; Credit Suisse AG, New York Branch; Deutsche Bank AG; The Goldman Sachs Group, Inc.; HSBC Bank USA, N.A.; JPMorgan Chase & Co.; Royal Bank of Scotland PLC; dan UBS AG (secara kolektif, “Defendan yang Membayar”) dalam sebuah tindakan kelas terhadap Defendan yang Membayar dan B.N.P. Paribas SA, ICAP Capital Markets LLC, Morgan Stanley & Co. LLC, Nomura Securities International, Inc., dan Wells Fargo Bank, N.A. (“Defendan yang Tidak Membayar,” dan secara bersama dengan Defendan yang Membayar, “Defendan”).
- Tuntutan mahkamah mendakwa bahawa Defendan yang terlibat dalam tindakan antisaing menjejaskan pasaran bagi Instrumen ISDAfix dalam pelanggaran Seksyen 1 Akta Sherman, 15 U.S.C. § 1. Tuntutan mahkamah ini juga mendakwa bahawa Defendan diperkaya secara tidak wajar di bawah undang-undang awam dan melanggar Perjanjian Induk ISDA menerusi tindakan antisaing mereka. Tuntutan mahkamah ini dikemukakan oleh, dan bagi pihak, Orang yang berurus niaga dalam Instrumen ISDAfix. Defendan menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.
- Cadangan Penyelesaian telah dicapai dengan 10 Defendan yang Membayar. Tuntutan Mahkamah diteruskan terhadap lima Defendan yang Tidak Membayar. Defendan yang Membayar telah bersetuju untuk membayar sejumlah \$408.5 juta (“Dana Penyelesaian”). Sebelum sebarang wang dibayar, Mahkamah akan mengadakan Perbicaraan untuk membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan penyelesaian tersebut. Kelulusan mahkamah berkenaan penyelesaian ini akan menyelesaikan semua tuntutan yang berkaitan terhadap Defendan yang Membayar.
- Kelas Plaintiff dan Defendan yang Membayar tidak bersetuju mengenai jumlah wang yang boleh diperoleh jika Kelas Plaintiff telah memenangi perbicaraan terhadap Defendan yang Membayar.
- Hak sah anda akan terjejas tanpa mengira sama ada anda mengambil atau tidak mengambil tindakan. Sila baca keseluruhan Notis ini dengan teliti.
- Mahkamah yang bertanggungjawab dalam kes ini perlu membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan penyelesaian tersebut. Bayaran akan dibuat jika Mahkamah meluluskan penyelesaian itu dan, jika terdapat sebarang rayuan, setelah rayuan diselesaikan.

Mahkamah telah melantik peguam yang disenaraikan di bawah untuk mewakili anda dan Kelas Penyelesaian:

Daniel L. Brockett
Quinn Emanuel Urquhart
& Sullivan, LLP
51 Madison Avenue, 22nd Floor
New York, NY 10010

David W. Mitchell
Robbins Geller Rudman
& Dowd, LLP
655 West Broadway, Suite 1900
San Diego, CA 92101

Christopher M. Burke
Scott+Scott,
Attorneys at Law, LLP
707 Broadway, Suite 1000
San Diego, CA 92101

HAK SAH ANDA DAN PILIHAN DALAM PENYELESAIAN INI

MENGEMUKAKAN BORANG TUNTUTAN	Ini satu-satunya cara untuk anda menerima bahagian anda dalam Dana Penyelesaian.
MENGEQUALIKAN DIRI ANDA	Tidak mendapat bayaran. Pilihan ini sahaja akan membolehkan anda menjadi sebahagian daripada sebarang tuntutan mahkamah terhadap Defendan yang Membayar berkenaan tuntutan sah dalam kes ini.
MENYATAKAN KOMEN ATAU BANTAHAN	Nyatakan secara bertulis kepada Mahkamah mengapa anda suka atau tidak suka akan penyelesaian tersebut.
MENGHADIRI PERBICARAAN	Memohon untuk bercakap dalam Mahkamah berkenaan keadilan penyelesaian tersebut.
TIDAK MENGAMBIL APA-APA TINDAKAN	Tidak mendapat bayaran dan melepaskan hak anda menjadi sebahagian daripada sebarang tuntutan mahkamah terhadap Defendan yang Membayar berkenaan tuntutan sah dalam kes ini.

APA YANG TERKANDUNG DALAM NOTIS INI

	<u>Halaman</u>
MAKLUMAT ASAS	3
1. Mengapakah saya mendapat Notis ini?	3
2. Apakah sebab litigasi ini?	3
3. Mengapakah perkara ini ialah tindakan kelas?	4
4. Mengapakah terdapat penyelesaian?	4
SIAPAKAH YANG BOLEH MENYERTAI PENYELESAIAN INI?	4
5. Bagaimanakah saya boleh mengetahui jika saya merupakan sebahagian daripada penyelesaian ini?	4
6. Apakah jenis Instrumen ISDAfix yang dilindungi dalam penyelesaian ini?	4
7. Adakah terdapat pengecualian untuk tidak menyertai Kelas Penyelesaian?	5
8. Bagaimanakah sekiranya saya masih tidak pasti sama ada saya termasuk dalam Kelas Penyelesaian?	5
MANFAAT PENYELESAIAN ITU	5
9. Apakah yang bakal diperoleh daripada hasil penyelesaian?	5
10. Bolehkah Jumlah Penyelesaian dikurangkan atau penyelesaian tersebut ditamatkan?	6
11. Adakah saya akan mendapat bayaran?	6
12. Bagaimanakah saya boleh mendapat bayaran?	7
13. Bilakah saya akan menerima bayaran?	7
14. Apakah perkara yang perlu saya lepaskan untuk mendapat bayaran atau terus dalam Kelas Penyelesaian ini?	7
MENGECEUALIKAN DIRI ANDA DARIPADA PENYELESAIAN	8
15. Apa yang akan berlaku jika saya tidak mahu menyertai Kelas Penyelesaian?	8
16. Bagaimanakah saya boleh keluar daripada penyelesaian ini?	8
17. Jika saya mengecualikan diri sendiri, bolehkah saya mendapat wang daripada penyelesaian tersebut?	8
18. Jika saya mengecualikan diri, bolehkah saya memberikan komen berkenaan penyelesaian tersebut?	8
MEMBERI KOMEN ATAU MEMBANTAH PENYELESAIAN TERSEBUT	9
19. Bagaimanakah anda boleh memberitahu pendapat anda mengenai penyelesaian tersebut kepada Mahkamah?	9
20. Apakah perbezaan di antara membantah dan mengecualikan diri?	9
PARA PEGUAM YANG MEWAKILI ANDA	9
21. Adakah saya mempunyai peguam dalam kes ini?	9
22. Bagaimanakah peguam-peguam ini akan dibayar?	10
PERBICARAAN KEADILAN DI MAHKAMAH	10
23. Bila dan di manakah Mahkamah akan membuat keputusan untuk meluluskan penyelesaian?	10
24. Adakah saya perlu menghadiri sesi perbicaraan?	10
25. Bolehkah saya bercakap pada perbicaraan?	10
JIKA ANDA TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN	10
26. Apakah akan berlaku jika saya tidak mengambil sebarang tindakan?	10
MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT	11
27. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	11

MAKLUMAT ASAS

1. Mengapakah saya mendapat Notis ini?

Anda menerima Notis ini kerana anda telah memohonnya atau kerana terdapat rekod yang menunjukkan bahawa anda mungkin seorang ahli Kelas Penyelesaian dalam Tindakan ini kerana anda telah memasuki, menerima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, mengurus niaga dalam, atau memegang Instrumen ISDAfix yang layak di antara 1 Januari 2006 dan 31 Januari 2014. Istilah Instrumen ISDAfix telah ditakrifkan pada halaman 1 Notis ini.

Anda berhak untuk mengetahui tentang litigasi ini dan hak sah anda serta pilihan sebelum Mahkamah membuat keputusan sama ada untuk meluluskan atau tidak meluluskan penyelesaian yang dicadangkan tersebut. Jika Mahkamah meluluskan penyelesaian tersebut dan setelah mana-mana bantahan atau rayuan telah diselesaikan, seorang pentadbir yang dilantik oleh Mahkamah akan membuat bayaran yang dibenarkan oleh penyelesaian tersebut. Notis ini menerangkan litigasi, penyelesaian yang dicadangkan, hak sah anda, manfaat yang tersedia, siapa yang layak untuk menerimanya, dan bagaimana anda boleh mendapatkannya.

Jika anda menerima Notis ini namun perdagangan layak yang dilindungi oleh Notis ini (seperti yang diterangkan di bawah) telah dilaksanakan bagi pihak benefisiari muktamad, sila hantarkan Notis ini dan mana-mana dokumen iringan kepada pihak benefisiari muktamad atau berikan nama dan alamat pihak benefisiari muktamad tersebut kepada Pentadbir Tuntutan supaya mereka boleh mengirimkan Notis ini. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan.

2. Apakah sebab litigasi ini?

Tuntutan mahkamah mendakwa bahawa Defendan yang terlibat dalam tindakan antisaing menjejaskan pasaran bagi Instrumen ISDAfix dalam pelanggaran Seksyen 1 Akta Sherman, 15 U.S.C. § 1. Tuntutan mahkamah ini juga mendakwa bahawa Defendan diperkaya secara tidak wajar di bawah undang-undang awam dan melanggar Perjanjian Induk ISDA menerusi tindakan antisaing mereka. Tuntutan mahkamah ini dikemukakan oleh, dan bagi pihak, Orang yang mengurus niaga dalam Instrumen ISDAfix. Defendan menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.

Mahkamah yang menyelia kes ini ialah Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Selatan New York. Kes ini dipanggil *Dana Pencen Elektrik Alaska dll. lwn. Bank of America, N.A. dll.*, No. Kes Utama 14-cv-7126 (JMF).

Entiti yang mendakwa dalam tuntutan mahkamah ini dirujuk sebagai “Kelas Plaintiff,” iaitu Dana Pencen Elektrik Alaska; Erste Abwicklungsanstalt; Sistem Persaraan Pekerja Genesee County; Suruhanjaya Pennsylvania Turnpike; Portigon AG; City of New Britain, Connecticut; County of Montgomery, Pennsylvania; dan County of Washington, Pennsylvania.

Kelas Plaintiff mendakwa, antara lain, bahawa Defendan menjalankan pakatan sulit untuk memanipulasi “ISDAfix,” USD, iaitu kadar rujukan penanda aras yang digunakan dalam pasaran terbitan kadar faedah. Kelas Plaintiff mendakwa Defendan merupakan 14 buah bank yang menguasai pasaran terbitan kadar faedah serta broker antara-penjual ICAP, yang mengendalikan proses menetapkan ISDAfix semasa Tempoh Kelas Penyelesaian. Secara umumnya, Kelas Plaintiff mendakwa Defendan menipu kadar ISDAfix untuk menjamin keuntungan supra-kompetitif pada kedudukan terbitannya.

Kelas Plaintiff mendakwa bahawa, semasa Tempoh Kelas Penyelesaian, kadar ISDAfix ditetapkan dan diterbitkan setiap hari untuk pelbagai mata wang dan kematangan melalui proses dua langkah yang diurus oleh ICAP Defendan. Menurut Kelas Plaintiff, kadar itu direka untuk mewakili kadar antara pasaran semasa pada waktu yang khusus bagi hari tersebut untuk kos standard tetap-untuk-terapung swap kadar faedah. Pertama, bermula jam 11:00 pagi, ICAP menghitung “kadar rujukan” yang direka untuk mencerminkan anggaran ICAP ke atas purata kadar perdagangan swap kadar faedah USD pada masa tersebut. Kedua, ICAP mengedarkan kadar rujukan ini kepada bank Defendan, meninjau setiap dari mereka mengenai bida/spread tawaran sebenar mereka, dan kemudiannya menggunakan respons ini untuk menghitung kadar ISDAfix yang diterbitkan.

Kelas Plaintiff seterusnya mendakwa bahawa Defendan memanipulasikan kedua-dua langkah proses penentuan kadar USD ISDAfix sepanjang Tempoh Kelas Penyelesaian. Kelas Plaintiff mendakwa bahawa Defendan terlebih dahulu melaksanakan urusan niaga dengan tujuan menjejaskan kadar rujukan dan kemudian bertindak dengan persetujuan mereka untuk tidak mengemukakan kadar sebenar masing-masing. Sebaliknya, mereka menerima kadar rujukan ICAP tanpa mengambil kira sama ada ia sepadan dengan bida/spread tawaran sebenar mereka. Kelas Plaintiff juga mendakwa Defendan telah membuat penyerahan yang sama setiap hari selama hampir beberapa tahun, yang secara asasnya merupakan sesuatu yang mustahil secara statistik.

Akibat dakwaan salah laku Defendan, Kelas Plaintiff mendakwa Defendan telah menyebabkan kemudaratan terhadap mereka (dan pihak-pihak lain). Sebagai contoh, namun tidak terhad, mereka mendakwa bahawa urusan niaga dengan bayaran yang berhubung dengan kadar ISDAfix akan terjejas jika kadar ISDAfix telah ditetapkan pada tahap yang palsu. Mereka mendakwa bahawa urusan niaga lain (contohnya, swap) juga akan terjejas melalui kesan manipulasi tersebut terhadap penetapan harga instrumen yang berkaitan.

Seperti yang disebutkan di atas, Defendan menafikan bahawa mereka telah melakukan sebarang kesalahan.

3. Mengapakah perkara ini ialah tindakan kelas?

Tindakan kelas ialah tuntutan mahkamah di mana beberapa wakil plaintif mengemukakan tuntutan bagi pihak diri mereka dan pihak lain yang berada dalam keadaan yang sama (iaitu, kelas) yang mempunyai tuntutan yang sama terhadap defendan. Plaintif, Mahkamah dan peguam yang dilantik untuk mewakili kelas kesemuanya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kepentingan semua ahli kelas diwakili dengan secukupnya.

Paling utama, ahli kelas TIDAK bertanggungjawab secara individu untuk menampung yuran peguam kelas atau perbelanjaan litigasi. Dalam tindakan kelas, yuran peguam dan perbelanjaan litigasi lazimnya dibayar daripada dana penyelesaian (atau jumlah pertimbangan Mahkamah) dan mesti diluluskan oleh Mahkamah. Jika tiada pemulihan, peguam tidak akan mendapat bayaran.

Apabila kelas plaintif menyertai penyelesaian tersebut, contohnya penyelesaian yang dicadangkan dengan Defendan yang Membayar di sini, Mahkamah menghendaki supaya ahli kelas itu diberikan notis berkenaan penyelesaian ini dan peluang untuk menyuarakan pandangan. Seterusnya, Mahkamah akan mengadakan perbicaraan untuk menentukan, antara lain, jika penyelesaian ini adalah adil, munasabah dan mencukupi untuk ahli kelas tersebut.

4. Mengapakah terdapat penyelesaian?

Mahkamah tidak membuat keputusan yang menyebelahi Kelas Plaintif atau Defendan yang Membayar. Kelas Plaintif dan peguam yang dilantik Mahkamah (“Peguam Kelas”) menyiasat fakta dan undang-undang yang berkaitan dengan tuntutan yang dikemukakan dalam litigasi ini, selain pembelaan yang berkemungkinan bagi pihak Defendan yang Membayar. Hasil dari siasatan ini, Kelas Plaintif berpendapat mereka boleh memenangi kerosakan yang sepadan dalam perbicaraan. Defendan yang Membayar berpendapat tuntutan Kelas Plaintif adalah tidak berasas dan percaya tuntutan itu akan ditolak sebelum perbicaraan, semasa perbicaraan, atau pada rayuan. Defendan yang Membayar percaya bahawa mahkamah perbicaraan atau mahkamah rayuan akan menghalang Kelas Plaintif daripada meneruskan kes litigasi ini sebagai tindakan kelas. Defendan yang Membayar tidak percaya bahawa Kelas Plaintif dapat membuktikan apa-apa kerosakan terhadap kelas, yang akhirnya menyebabkan kelas tersebut tidak menerima sebarang bayaran.

Tiada satu pun daripada isu yang dipertikaikan diputuskan berdasarkan dakwaan terhadap Defendan yang Membayar. Sebaliknya, setelah melaksanakan perundingan yang panjang, terperinci, tawar-menawar selengan, Kelas Plaintif dan Defendan yang Membayar bersetuju untuk menyelesaikan kes ini. Defendan yang Membayar bersetuju untuk membayar jumlah sebanyak \$408.5 juta (iaitu “Dana Penyelesaian”) untuk menyelesaikan kes ini. Jika penyelesaian diluluskan, kedua-dua pihak akan mengelak dari kos dan risiko kesudahan yang buruk sebelum atau selepas perbicaraan atau pada rayuan dan mana-mana Ahli Kelas Penyelesaian yang menghantar Borang Tuntutan yang sah akan mendapat pampasan. Kelas Plaintif dan Kelas Peguam Pembela berpendapat penyelesaian ini adalah terbaik untuk semua Ahli Kelas Penyelesaian.

SIAPAKAH YANG BOLEH MENYERTAI PENYELESAIAN INI?

5. Bagaimanakah saya boleh mengetahui jika saya merupakan sebahagian daripada penyelesaian ini?

Mahkamah telah meluluskan perakuan awal Kelas Penyelesaian yang terdiri daripada pihak yang berikut:

Semua Orang atau entiti yang memasuki, menerima atau membuat bayaran pada, menyelesaikan, menamatkan, mengurus niaga dalam, atau memegang Instrumen ISDAfix semasa Tempoh Kelas Penyelesaian. Golongan yang dikecualikan dari Kelas Penyelesaian ialah Defendan dan pekerjaannya, gabungan, induk, subsidiari dan pekomploit, jika ada, sama ada dinamakan atau tidak dalam Aduan Pindaan, dan Kerajaan Amerika Syarikat, serta semua Pihak Dilepaskan yang diperuntukkan, walau bagaimanapun, instrumen pelaburan tidak sepatutnya dikecualikan daripada takrifan Kelas Penyelesaian ini.

Tempoh Kelas Penyelesaian adalah 1 Januari 2006 sehingga 31 Januari 2014. Jika anda menerima Notis ini namun perdagangan yang layak telah dilaksanakan bagi pihak benefisiari muktamad, sila hantarkan Notis ini dan mana-mana dokumen iringan kepada pihak benefisiari muktamad atau berikan nama dan alamat pihak benefisiari muktamad tersebut kepada Pentadbir Tuntutan supaya mereka boleh mengirimitkan Notis ini. Jika anda memerlukan bantuan, sila hubungi Pentadbir Tuntutan.

6. Apakah jenis Instrumen ISDAfix yang dilindungi dalam penyelesaian ini?

Penyelesaian tersebut berkaitan dengan instrumen USD ISDAfix, yang dirangkumi dalam penyelesaian ini tetapi tidak terbatas kepada yang berikut:

- Mana-mana yang berikut yang dinamakan dalam mata wang USD atau berkaitan dengan kadar faedah USD: swap, spread swap, masa depan swap, swap varians, swap ketaktentuan, swap keakruan julat, swap kematangan tetap, opsyen swap kematangan tetap, opsyen digital, opsyen swap diselesaikan-tunai, opsyen swap diselesaikan-fizikal, masa depan swap nota, masa depan swap diselesaikan-tunai, mencuram, perata, terapung songsang, bola salji (snowballs), kadar faedah-berpaut struktur nota dan nota keakruan julat digital dan boleh panggil
- Mana-mana instrumen kewangan lain, produk atau urus niaga yang berkaitan dengan Kadar Penanda Aras ISDAfix termasuk tetapi tidak terbatas kepada sebarang instrumen, produk atau urus niaga yang merujuk Kadar Penanda Aras ISDAfix dan sebarang instrumen, produk atau urus niaga relevan kepada penentuan atau pengiraan Kadar Penanda Aras ISDAfix

Kadar Penanda Aras ISDAfix ditakrifkan sebagai sebarang dan semua tenor USD ISDAfix termasuk sebarang dan semua kadar dan spread USD ISDAfix dan sebarang dan semua “kadar rujukan” yang diagihkan sebagai sebahagian dari proses penyerahan USD ISDAfix.

7. Adakah terdapat pengecualian untuk tidak menyertai Kelas Penyelesaian?

Ya. Anda tidak termasuk dalam Kelas Penyelesaian jika anda ialah Defendan atau syarikat induk terdahulu atau masa kini secara langsung atau tidak langsung (termasuk syarikat pemegang), subsidiari, gabungan, bersekutu (semua seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan SEC 12b-2 yang diisytiharkan menurut Akta Bursa Sekuriti 1934), bahagian, usaha sama, pendahulu, pengganti, ejen, peguam, wakil undang-undang atau lain, syarikat insurans (termasuk reinsurer dan koinsurer), penerima serah hak, pemegang serah hak dan pekerja semasa dan terdahulu, pegawai dan pengarah daripada mana-mana entiti yang tersebut di atas. Mana-mana individu lain juga tidak terlibat kecuali jika dimandatkan oleh undang-undang.

Walau bagaimanapun, “Instrumen Pelaburan” tidak dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian. Untuk tujuan penyelesaian, Instrumen Pelaburan bermaksud sebarang syarikat pelaburan atau dana pelaburan terkumpul termasuk tetapi tidak terbatas kepada (i) dana bersama keluarga, dana perdagangan-pertukaran, dana daripada dana dan dana lindung nilai di mana Defendan mempunyai atau mungkin mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung atau gabungannya boleh bertindak sebagai penasihat pelaburan tetapi Defendan atau gabungannya bukan pemilik majoriti atau tidak memegang kepentingan untung majoriti, dan (ii) mana-mana Pelan Manfaat Pekerja di mana Defendan atau gabungannya bertindak sebagai penasihat pelaburan ataupun fidusiari.

8. Bagaimanakah sekiranya saya masih tidak pasti sama ada saya termasuk dalam Kelas Penyelesaian?

Jika anda masih tidak pasti sama ada anda termasuk dalam Kelas Penyelesaian ataupun tidak, anda boleh mendapatkan bantuan secara percuma. Hubungi 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa) atau layari www.ISDAfixAntitrustSettlement.com untuk maklumat lanjut.

MANFAAT PENYELESAIAN

9. Apakah yang bakal diperoleh daripada hasil penyelesaian?

Defendan yang Membayar akan membayar Kelas Penyelesaian secara kolektif sebanyak \$408.5 juta. Jumlah penyelesaian yang dipersetujui oleh setiap Defendan yang Membayar adalah seperti yang berikut:

Bank of America	\$ 50,000,000
Barclays	\$ 30,000,000
Citigroup	\$ 42,000,000
Suisse Kredit	\$ 50,000,000
Deutsche Bank	\$ 50,000,000
Goldman Sachs	\$ 56,500,000
HSBC	\$ 14,000,000
JPMorgan	\$ 52,000,000
Royal Bank of Scotland	\$ 50,000,000
UBS	\$ 14,000,000

Dana Penyelesaian \$408.5 juta, beserta faedah yang diperoleh dan cukai pengurangan, sebarang kos yang berkaitan dengan pemberitahuan terhadap Kelas Penyelesaian, pentadbiran tuntutan, perbelanjaan dan yuran peguam yang diberi oleh Mahkamah dan insentif yang diberikan kepada Kelas Plaintif, akan dibahagikan di antara semua Ahli Kelas Penyelesaian yang menghantar Bukti Tuntutan yang sah dan Borang Pelepasan.

Defendan yang Membayar telah bersetuju untuk menyediakan penemuan pengesahan, yang dipercayai oleh Kelas Peguam sebagai telah membantu dan terus membantu Kelas Plaintif memperoleh tuntutan mereka dalam Tindakan terhadap Defendan yang Tidak Membayar. Kewajipan penemuan pengesahan Defendan yang Membayar termasuklah, tertakluk kepada perintah Mahkamah dan undang-undang yang dikenakan, mengemukakan data urus niaga, penghasilan dokumen, tawaran peguam, dan temu ramah saksi.

10. Bolehkah Jumlah Penyelesaian dikurangkan atau penyelesaian tersebut ditamatkan?

Dalam keadaan yang tertentu, setiap Defendan yang Membayar berhak memohon pengubahsuaian Amaun Penyelesaian atau menamatkan penyelesaian tersebut. Hak untuk memohon pengurangan dalam Amaun Penyelesaian atau menamatkan penyelesaian itu telah ditetapkan pada Perenggan 10 dalam Perjanjian Penyelesaian yang dimeterai oleh setiap Defendan yang Membayar. Jika Defendan yang Membayar menegaskan bahawa jumlah Permohonan untuk Pengecualian mewakili sebahagian material urus niaga semasa Tempoh Kelas Penyelesaian yang layak untuk pampasan di bawah penyelesaian dan pengecualian tersebut akan mengurangkan nilai penyelesaian kepada Defendan yang Membayar, Defendan yang Membayar mempunyai pilihan mengemukakan isu itu kepada pengantara pilihan bersama. Sekiranya pengantara menentukan pengurangan dalam Jumlah Penyelesaian itu berpatutan, Amaun Penyelesaian itu boleh dikurangkan.

Selain itu, Defendan yang Membayar boleh meminta untuk menamatkan penyelesaian dengan membuat permohonan untuk penamatan kepada pengantara. Setelah permohonan tersebut dibuat, pengantara akan menentukan jika pemulihan pengurangan yang dikemukakan di atas tidak mencukupi untuk mengekalkan manfaat penting penyelesaian itu kepada Defendan yang Membayar yang membuat permohonan itu. Sekiranya penyelesaian itu ditamatkan, kedua-dua pihak akan kembali ke status masing-masing mengikut tarikh mereka menguatkuasakan Perjanjian Penyelesaian tersebut.

Jika Defendan yang Membayar tidak menggunakan Perenggan 10 Perjanjian Penyelesaian, semua Dana Penyelesaian adalah “tak berbalik,” yang bermaksud Defendan yang Membayar tidak berhak untuk menarik balik sebarang bahagian Dana Penyelesaian tersebut.

11. Adakah saya akan mendapat bayaran?

Jika anda adalah ahli Kelas Penyelesaian dan tidak memilih untuk keluar daripada Kelas Penyelesaian, anda layak untuk memfailkan Borang Tuntutan untuk menerima bahagian wang anda daripada penyelesaian itu. Jika anda tidak menyerahkan Borang Tuntutan, anda tidak akan menerima bayaran daripada penyelesaian itu.

Amaun bayaran anda akan ditentukan oleh Pelan Pengagihan yang diluluskan oleh Mahkamah. Buat masa ini, Pelan Pengagihan memperuntukkan Dana Penyelesaian Bersih kepada dua tabung (“A” dan “B”).

Tabung A merangkumi Instrumen ISDAfix yang terpaut langsung kepada satu atau lebih kadar ISDAfix. Tabung B terdiri daripada semua Instrumen ISDAfix yang lain. Peruntukan tabung B seterusnya akan dibahagikan di antara empat subkumpulan. Tabung B.1 merangkumi swap kadar faedah tetap-untuk-terapung di mana rujukan kaki terapung USD LIBOR serta set terbitan kadar faedah yang menampung penghantaran, berdasarkan syarat yang ditentukan lebih awal, bagi swap kadar faedah tersebut. Tabung B.2 merangkumi sekuriti pendapatan tetap-Perbendaharaan atau sebarang terbitan yang membolehkan penghantaran sekuriti Perbendaharaan seperti kontrak Perbendaharaan di masa hadapan. Tabung B.3 merangkumi kontrak dolar Eropah di masa hadapan atau sebarang terbitan yang menampung penghantaran kontrak dolar Eropah di masa hadapan seperti opsyen dolar Eropah. Tabung B.4 terdiri daripada sebarang Instrumen ISDAfix yang tidak sepadan dengan mana-mana kategori di atas.

Setiap urus niaga hanya akan membentuk asas tuntutan terhadap bahagian Dana Penyelesaian Bersih yang diperuntukkan kepada tabung yang sama dan subkumpulan di mana urus niaga itu diperuntukkan. Pelan Pengagihan itu akan memperuntukkan berat relatif bagi setiap urus niaga yang layak berasaskan perkara yang berikut: (a) amaun wang yang menjadi asas kepada bayaran faedah bagi urus niaga (“Jumlah Nosional Urus Niaga”); (b) kepekaan ekonomi urus niaga itu kepada kadar ISDAfix dan swap pasaran (“Pengganda Ekonomi”) dan (c) darjah risiko relatif yang timbul akibat jenis urus niaga yang mungkin berhadapan dengan percicaraan (“Pengganda Litigasi”). Amaun Urus Niaga Tuntutan untuk urus niaga tertentu dikira sebagai Jumlah Tuntutan Urus Niaga = Jumlah Nosional Urus Niaga x Pengganda Ekonomi x Pengganda Litigasi.

Pengagihan daripada setiap tabung/subkumpulan akan dibuat berdasarkan kaedah pro rata setelah penimbangan tersebut telah selesai. Contohnya, pemulihan anda untuk semua urus niaga yang diperuntukkan ke Tabung A akan dikira sebagai (a) Amaun Dana Penyelesaian Bersih bagi Tabung A didarabkan dengan (b) nisbah semua Amaun Tuntutan Urus Niaga Tabung A anda seperti yang dibandingkan dengan semua Amaun Penyelesaian Tuntutan Urus Niaga Tabung A Ahli Kelas.

Untuk butiran yang terperinci dan perkembangan terkini mengenai Pelan Pengagihan dan proses penyelesaian, sila lawat laman web penyelesaian, www.ISDAfixAntitrustSettlement.com atau hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa).

12. Bagaimanakah saya boleh mendapat bayaran?

Anda mesti menghantar Borang Tuntutan kepada Pentadbir Tuntutan untuk layak mendapat bayaran. Borang Tuntutan dilampirkan bersama-sama Notis ini. Anda juga boleh mendapatkan Borang Tuntutan secara elektronik melalui laman web penyelesaian, www.ISDAfixAntitrustSettlement.com atau hubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa). Baca arahan dengan teliti, lengkapkan borang tersebut, lampirkan semua dokumen yang diminta oleh borang, tandatangi borang, dan hantarkannya. Borang Tuntutan mesti dihantar secara elektronik sebelum **16 Julai 2018**.

13. Bilakah saya akan menerima bayaran?

Mahkamah akan mengadakan perbicaraan pada **30 Mei 2018** untuk memutuskan untuk meluluskan cadangan penyelesaian tersebut atau tidak. Jika Mahkamah meluluskan penyelesaian itu, mungkin terdapat rayuan selepas itu. Biasanya, sukar untuk memastikan bilakah rayuan ini dapat diselesaikan. Proses menyelesaikan rayuan boleh mengambil masa mungkin lebih daripada setahun. Anda dinasihatkan supaya bersabar.

14. Apakah perkara yang perlu saya lepaskan untuk mendapat bayaran atau terus dalam Kelas Penyelesaian ini?

Melainkan jika anda mengecualikan diri anda, anda kekal berada dalam Kelas Penyelesaian, dan ini bermaksud anda tidak boleh mendakwa, terus mendakwa atau menyertai sebarang tuntutan mahkamah lain terhadap Defendan yang Membayar atau Pihak Bank yang Dilepaskan mengenai isu undang-undang dalam kes ini. Ia bermakna semua arahan Mahkamah akan digunakan terhadap anda dan anda terikat kepada undang-undang. Seperti yang diterangkan dalam Perjanjian Penyelesaian ini, dengan Tarikh Kuat Kuasa penyelesaian ini, setiap Pihak yang Melepaskan (i) dianggap mempunyai dan dengan operasi Penghakiman Muktamad dan Perintah Penyingkiran akan memiliki sepenuhnya, akhirnya, dan diketepikan selama-lamanya, dilepaskan, melepaskan, dan digugurkan setakat yang dibenarkan undang-undang semua Tuntutan Kelas Dilepaskan terhadap Pihak Bank Dilepaskan tanpa menghiraukan sama ada Pihak yang Melepaskan menjalankan dan menghantar bukti tuntutan; (ii) akan selama-lamanya dihalang dari mendakwa dalam sebarang forum Tuntutan Kelas Dilepaskan terhadap sebarang Pihak Bank Dilepaskan; dan (iii) bersetuju dan berjanji tidak akan mendakwa sebarang Parti Bank Dilepaskan berkenaan dengan Tuntutan Kelas Dilepaskan atau membantu pihak ketiga untuk memulakan atau mengekalkan sebarang tindakan guaman terhadap sebarang Pihak Bank Dilepaskan dalam apa jua cara yang berkaitan dengan Tuntutan Kelas Dilepaskan.

“Tuntutan Kelas Dilepaskan” ialah syarat yang ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian. Ia bermaksud “sebarang dan semua cara tuntutan termasuk Tuntutan Tak Diketahui, kuasa tindakan, tuntutan silang, tuntutan balas, caj, liabiliti, permintaan, penghakiman, guaman, kewajipan, hutang, tolak selesai, hak pemulihan atau liabiliti sebarang jenis kewajipan (apa jua cara ia dinamakan), sama ada secara kelas atau individu, dalam undang-undang atau ekuiti atau timbul di bawah perlembagaan, statut, peraturan, ordinan, kontrak, atau jenis yang sedemikian, untuk yuran, kos, penalti, denda, hutang, perbelanjaan, yuran peguam dan kerosakan, bila-bila ia ditanggung dan sebarang keadaan liabiliti (termasuk secara bersama dan beberapa), diketahui atau tidak diketahui, disyaki atau tidak disyaki, ditegaskan atau tidak ditegaskan, yang pernah dimiliki, sekarang dimiliki, atau selepas ini boleh, akan, atau boleh dimiliki, secara perwakilan, secara terbitan, atau dalam apa jua kapasiti, terhadap Pihak [Bank] Dilepaskan, yang timbul dari atau berkaitan dengan predikat faktual Tindakan, termasuklah tanpa sebarang had: (i) sebarang dan semua tingkah laku berkaitan penetapan, penyerahan atau tindakan manipulasi kadar Penanda Aras ISDAfix; (ii) sebarang tujuan konspirasi, pakat-sulit, aktiviti haram atau tingkah laku yang tidak wajar berkenaan Kadar Penanda Aras ISDAfix; (iii) sebarang dan semua tingkah laku berkaitan penetapan, penyerahan atau tindakan manipulasi kadar Penanda Aras ISDAfix diterangkan dalam aturan CFTC atau jenis yang diterangkan dalam aturan CFTC; (iv) sebarang pembidaan, tawaran atau perdagangan atau bagi pihak Pihak [Bank] Dilepaskan dalam sebarang produk, termasuk tetapi tidak terbatas kepada swap kadar faedah, spread swap, masa depan swap, pertukaran, masa depan dolar Eropah dan Perbendaharaan Amerika Syarikat bertujuan atau dilaporkan atau didakwa bertujuan untuk memberikan kesan kepada Kadar Penanda Aras ISDAfix atau manfaat darinya; dan (v) perkongsian atau penerangan maklumat pelanggan atau maklumat sulit termasuk tidak terbatas kepada identiti pelanggan, corak perdagangan, kedudukan bersih atau aturan berkenaan dengan swap kadar faedah atau pertukaran berasaskan Kadar Penanda Aras ISDAfix di antara Pihak UBS Dilepaskan dan sebarang Orang lain atau entiti melalui suara, telefon, bilik bual, mesej segera, e-mel atau cara lain. Bagi tujuan kejelasan, pelepasan yang disebutkan di atas (a) tidak melepaskan pertikaian perdagangan umum mengenai Instrumen ISDAfix yang tidak berasaskan kepada predikat faktual bagi Tindakan; (b) tidak melepaskan tuntutan berkaitan dengan penguatkuasaan Penyelesaian; dan (c) tidak melepaskan tuntutan yang timbul dari tindakan manipulasi yang didakwa telah diambil di atas sebab selain daripada untuk memberikan kesan kepada Kadar Tanda Aras ISDAfix seperti, dan tanpa had, tindakan yang didakwa telah dilakukan untuk memanipulasi pasaran untuk Perbendaharaan A.S. berkaitan lelongan Perbendaharaan.”

Sebarang istilah lain yang bermula dengan huruf besar yang digunakan dalam perenggan ini ditakrifkan dalam Perjanjian Penyelesaian

yang boleh diakses pada laman web, www.ISDAfixAntitrustSettlement.com.

Keterangan tuntutan yang dilepaskan anda terhadap Defendan yang Membayar dan Pihak yang Dilepaskan telah ditetapkan dalam Perjanjian Penyelesaian di Perenggan 7, boleh didapati pada laman web penyelesaian, www.ISDAfixAntitrustSettlement.com atau dengan menghubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Antarabangsa). Sekiranya anda mengecualikan diri anda, anda “melepaskan” tuntutan yang diterangkan di dalam ini dan di dalam Perjanjian Penyelesaian tanpa mengambil kira sama ada anda menghantar tuntutan kemudian atau tidak.

MENGEQUALIKAN DIRI ANDA DARIPADA PENYELESAIAN

Jika anda tidak mahu bayaran daripada penyelesaian ini dan ingin mengekalkan hak mendakwa atau terus mendakwa Defendan yang Membayar secara persendirian mengenai isu undang-undang dalam kes ini, anda mesti mengambil langkah untuk keluar dari Kelas Penyelesaian ini. Ini dipanggil sebagai mengecualikan diri anda dan kadangkala dirujuk sebagai “memilih untuk keluar” daripada Kelas Penyelesaian.

15. Apa yang akan berlaku jika saya tidak mahu menyertai Kelas Penyelesaian?

Jika anda membuat keputusan untuk mengecualikan diri anda atau “memilih untuk keluar” daripada Kelas Penyelesaian, anda bebas untuk mendakwa Defendan yang Membayar atau sebarang Pihak yang Dilepaskan yang lain secara persendirian bagi tuntutan yang diselesaikan oleh Penyelesaian. Walau bagaimanapun, anda tidak akan menerima sebarang wang daripada penyelesaian dan Peguam Kelas tidak akan mewakili anda berkenaan mana-mana tuntutan terhadap Defendan yang Membayar. Peguam Kelas akan terus mewakili anda dalam litigasi yang berterusan terhadap Defendan Tidak Membayar. Jika anda mengecualikan diri anda daripada Kelas Penyelesaian di mana anda merupakan ahli, anda akan mengecualikan diri anda dari semua 10 penyelesaian. Jika anda ingin menerima wang daripada penyelesaian ini, sila jangan keculikan diri anda.

16. Bagaimanakah saya boleh keluar daripada penyelesaian ini?

Anda boleh mengecualikan diri anda atau memilih untuk keluar dengan menghantar Permohonan untuk Pengecualian secara bertulis kepada Pentadbir Tuntutan. Permohonan untuk Pengecualian mesti (a) secara bertulis; (b) ditanda tangan oleh anda atau wakil yang diberi kuasa; (c) nyatakan, sekurang-kurangnya, nama anda, alamat, dan telefon nombor; (d) lampirkan bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian; (e) kenal pasti nombor tuntutan yang tercetak pada Borang Tuntutan (jika ada) yang anda terima dan (f) lampirkan pernyataan bertanda tangan yang menyatakan bahawa “Saya/kami memohon supaya Saya/kami dikecualikan dari Kelas Penyelesaian yang dicadangkan di dalam *Litigasi Antitrust ISDAfix*.” Bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian boleh terdiri daripada pengesahan perdagangan, laporan urus niaga, penyata akaun atau dokumen lain membuktikan keahlian dalam Kelas Penyelesaian.

Anda tidak boleh mengecualikan diri anda melalui telefon atau emel. Anda mesti berbuat demikian secara bertulis dan menerusi kiriman pos. Bagi memastikan ia sah, Permohonan untuk Pengecualian anda mesti dicap pos sebelum **30 April 2018** dan dikirimkan kepada Pentadbir Tuntutan di alamat yang berikut:

Alaska Electrical Pension Fund et al. vs. Bank of America et al.
c/o Epiq Systems Inc.
P.O. Box 3775
Portland, OR 97208-3775
U.S.A.

Jika anda meminta untuk dikecualikan, anda tidak akan mendapat sebarang bayaran penyelesaian, dan anda tidak boleh memberi komen atau membantah terhadap penyelesaian tersebut. Anda tidak terikat secara undang-undang terhadap penyelesaian atau sebarang perkara yang berlaku dalam tuntutan mahkamah.

17. Jika saya mengecualikan diri sendiri, bolehkah saya mendapat wang daripada penyelesaian tersebut?

Tidak. Anda tidak akan mendapat sebarang manfaat kewangan daripada penyelesaian jika anda mengecualikan diri anda.

18. Jika saya mengecualikan diri, bolehkah saya memberikan komen berkenaan penyelesaian tersebut?

Tidak. Jika anda mengecualikan diri anda, anda bukan lagi ahli Kelas Penyelesaian dan tidak boleh memberikan komen atau membantah mana-mana aspek penyelesaian tersebut.

MEMBERI KOMEN ATAU MEMBANTAH PENYELESAIAN TERSEBUT

19. Bagaimanakah anda boleh memberitahu pendapat anda mengenai penyelesaian tersebut kepada Mahkamah?

Jika anda adalah ahli Kelas Penyelesaian dan tidak mengecualikan diri anda, anda boleh memberitahu pendapat anda mengenai penyelesaian tersebut kepada Mahkamah. Anda boleh memberi komen atau membantah terhadap mana-mana bahagian penyelesaian tersebut, Pelan Pengagihan, permohonan yuran dan perbelanjaan peguam atau permohonan untuk bayaran insentif kepada Plaintiff Kelas kerana mewakili Kelas Penyelesaian itu. Anda boleh memberi sebab mengapa anda berpendapat Mahkamah patut meluluskannya atau tidak. Mahkamah akan mempertimbangkan pandangan anda.

Jika anda ingin menyatakan komen atau bantahan, anda mesti berbuat demikian secara bertulis dan menfaikannya di Mahkamah dengan mengirimbkannya ke alamat di bawah. Komen atau bantahan bertulis anda mesti mengandungi perkara yang berikut: (a) sama ada anda berhasrat untuk menghadiri pada Perbicaraan Keadilan secara peribadi atau melalui peguam (walaupun kehadiran adalah tidak diperlukan bagi pihak Mahkamah dalam mempertimbangkan bantahan anda); (b) bukti keahliah dalam Kelas Penyelesaian dan (c) sebab khusus untuk bantahan tersebut dan apa jua sebab mengapa anda berhasrat untuk hadir and didengari serta semua dokumen atau surat-menyurat yang anda mahu dipertimbangkan oleh Mahkamah. Bukti keahliah dalam Kelas Penyelesaian boleh terdiri daripada pengesahan perdagangan, laporan urus niaga, penyata akaun, atau dokumen lain yang membuktikan keahliah dalam Kelas Penyelesaian.

Anda tidak boleh membuat komen atau bantahan melalui telefon atau e-mel. Untuk dipertimbangkan, anda mesti memfailkan bantahan anda dengan Mahkamah sebelum **30 April 2018** dengan mengirimbkannya kepada alamat berikut:

The Honorable Jesse M. Furman
Thurgood Marshall
United States Courthouse
40 Foley Square
New York, NY 10007

Jika anda tidak mengemukakan komen atau bantahan tepat pada masanya menerusi cara yang telah ditetapkan, pandangan anda tidak akan dipertimbangkan oleh Mahkamah atau sebarang rayuan di mana-mana mahkamah.

20. Apakah perbezaan di antara membantah dan mengecualikan diri?

Membantah bermaksud anda memberitahu Mahkamah yang anda tidak bersetuju mengenai sesuatu perkara dalam penyelesaian tersebut. Anda boleh membantah jika anda kekal dalam Kelas Penyelesaian. Mengecualikan diri anda bermaksud anda memaklumkan kepada Mahkamah bahawa anda tidak mahu menjadi sebahagian dari Kelas Penyelesaian ini. Jika anda mengecualikan diri anda, anda tidak mempunyai asas untuk membantah kerana penyelesaian itu tidak melibatkan anda.

PARA PEGUAM YANG MEWAKILI ANDA

21. Adakah saya mempunyai peguam dalam kes ini?

Ya. Mahkamah telah melantik tiga peguam yang tersenarai di bawah untuk mewakili anda dan Kelas Penyelesaian:

Daniel L. Brockett
Quinn Emanuel Urquhart dan Sullivan, LLP
Madison Avenue, 22nd Floor
New York, NY 10010

David W. Mitchell
Robbins Geller Rudman & Dowd, LLP
655 West Broadway, Suite 1900
San Diego, CA 92101

Christopher M. Burke
Scott+Scott, Attorneys at Law, LLP
707 Broadway, Suite 1000
San Diego, CA 92101

Peguam ini dipanggil Peguam Kelas Peguam Kelas akan memohon kepada Mahkamah untuk bayaran yuran dan perbelanjaan peguam daripada Dana Penyelesaian. Anda tidak akan dicaj untuk perkhidmatan Peguam Kelas. Jika anda mahu diwakili oleh peguam anda sendiri, anda boleh mengupah peguam pilihan anda dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri.

22. Bagaimanakah peguam-peguam ini akan dibayar?

Setakat ini, Peguam Kelas tidak dibayar dengan mana-mana yuran peguam atau dibayar balik bagi sebarang kos yang ditanggung sendiri berkaitan dengan litigasi ini. Mana-mana yuran dan pembayaran balik kos peguam akan diberikan sepertimana yang diluluskan oleh Mahkamah dalam jumlah yang ditentukan sebagai adil dan munasabah. Perjanjian Penyelesaian membolehkan Peguam Kelas untuk memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan yuran dan pembayaran balik kos guaman daripada Dana Penyelesaian tersebut. Sebelum Perbicaraan Keadilan, Peguam Kelas akan bertindak untuk mendapatkan hadiah yuran peguam tidak melebihi 30 peratus daripada Dana Penyelesaian; pembayaran balik kos litigasi; dan faedah untuk yuran peguam dan kos pada kadar yang sama dengan perolehan Dana Penyelesaian, terakru dari awal Dana Penyelesaian sehingga yuran peguam dan kos telah dibayar. Kelas Plaintiff boleh juga berusaha untuk mendapatkan bayaran insentif kerana usaha dan perbelanjaan unik mereka yang dibayar bagi pihak Kelas Penyelesaian. Usul oleh Peguam Kelas untuk yuran dan kos peguam serta bayaran insentif boleh didapati pada laman web penyelesaian setelah permohonan difailkan pada **30 Mac 2018**.

Mahkamah akan mempertimbangkan permohonan Peguam Kelas untuk yuran peguam, perbelanjaan, dan mana-mana bayaran insentif pada atau selepas Perbicaraan Keadilan ini.

PERBICARAAN KEADILAN DI MAHKAMAH

23. Bila dan di manakah Mahkamah akan membuat keputusan untuk meluluskan penyelesaian?

Mahkamah akan mengadakan Perbicaraan Keadilan pada pukul **3:30 petang, 30 Mei 2018** di Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Selatan New York, Bangunan Mahkamah Thurgood Marshall Amerika Syarikat, 40 Foley Square, Courtroom 1105, New York, NY 10007. Perbicaraan tersebut boleh dipindahkan ke tarikh atau masa yang berlainan tanpa notis tambahan, jadi anda hendaklah menyemak www.ISDAfixAntitrustSettlement.com sebelum membuat rancangan perjalanan. Semasa Perbicaraan Keadilan, Mahkamah akan mempertimbangkan sama ada penyelesaian ini adalah adil, munasabah, dan memadai dan sama ada Pelan Pengagihan adalah adil dan memadai. Mahkamah akan mempertimbangkan jumlah yang perlu dibayar kepada Peguam Kelas dan sama ada untuk meluluskan belanja litigasi dan bayaran insentif kepada Kelas Plaintiff ataupun tidak. Jika terdapat komen atau bantahan, Mahkamah akan mempertimbangkan semasa perbicaraan tersebut. Semasa atau setelah perbicaraan, Mahkamah akan membuat keputusan sama ada untuk meluluskan penyelesaian atau tidak. Kami tidak tahu tempoh masa yang bakal diambil untuk memutuskan perkara ini.

24. Adakah saya perlu menghadiri sesi perbicaraan?

Tidak. Peguam Kelas akan bersedia untuk menjawab apa jua soalan yang akan ditanya oleh pihak Mahkamah pada sesi tersebut. Walau bagaimanapun, anda dialu-alukan untuk menghadiri Perbicaraan dengan perbelanjaan yang ditanggung sendiri. Jika anda menghantar komen atau bantahan, anda tidak perlu hadir ke Mahkamah untuk menjelaskannya. Sekiranya komen atau bantahan bertulis anda dikirimkan tepat masa yang ditetapkan oleh Notis ini, Mahkamah akan mempertimbangkannya. Anda boleh juga membayar peguam lain untuk hadir, tetapi ini tidak diwajibkan.

25. Bolehkah saya bercakap pada perbicaraan?

Anda boleh meminta kebenaran Mahkamah untuk bercakap pada Perbicaraan Keadilan. Jika anda ingin hadir pada Perbicaraan Keadilan dan membuat komen atau bantahan secara peribadi atau melalui peguam yang diupah dengan perbelanjaan ditanggung sendiri, anda perlu menjelaskan hasrat anda untuk hadir pada Perbicaraan Keadilan menerusi komen atau bantahan anda secara bertulis. Lihat Soalan 19 untuk maklumat tentang cara untuk memfailkan komen atau bantahan anda.

JIKA ANDA TIDAK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN

26. Apakah akan berlaku jika saya tidak mengambil sebarang tindakan?

Jika anda tidak mengambil sebarang tindakan, anda tidak akan mendapat sebarang wang daripada penyelesaian tersebut. Sekiranya anda tidak mengecualikan diri anda, anda tidak boleh memulakan tuntutan mahkamah, meneruskan tuntutan mahkamah, atau mengambil bahagian sebarang tuntutan mahkamah yang lain terhadap Defendan yang Membayar atau Pihak Yang Dilepaskan mengenai isu undang-undang dalam kes ini.

MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT

27. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Notis ini meringkaskan penyelesaian tersebut. Butiran lanjut boleh didapati dalam Perjanjian Penyelesaian. Anda boleh mendapat salinan Perjanjian Penyelesaian yang lengkap di www.ISDAfixAntitrustSettlement.com. Laman web ada menyediakan jawapan bagi soalan-soalan lazim mengenai penyelesaian ini, Borang Tuntutan, dan maklumat lain untuk membantu anda menentukan sama ada anda ialah ahli Kelas Penyelesaian dan layak mendapat bayaran. Anda boleh menghubungi Pentadbir Tuntutan di talian 1-844-789-6862 (A.S.) atau +1-503-597-5526 (Int.) atau di alamat berikut:

Alaska Electrical Pension Fund et al. vs. Bank of America et al.
c/o Epiq Systems Inc.
P.O. Box 3775
Portland, OR 97208-3775
U.S.A.

TARIKH: 18 Januari 2018

PERINTAH MAHKAMAH